



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

UCAPAN

Y.B. DATUK SERI SALAHUDDIN BIN AYUB  
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP

***“MAJLIS PELANCARAN INISIATIF  
PAYUNG RAHMAH DAN CABARAN  
‘BELI DAN MENANG’ RM 1.1 JUTA DI  
KK SUPER MART”***

**22 FEBRUARI 2023 (RABU)**

**KK SUPER MART TERMINAL BERSEPADU SELATAN (TBS3),  
BANDAR TASIK SELATAN, KUALA LUMPUR**

**Yang Berhormat Senator Puan Hajah Fuziah binti Salleh  
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara  
Hidup**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. KK Chai  
Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Kumpulan  
KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd.**

**Yang Berbahagia Datuk Azman bin Mohd. Yusof  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara  
Hidup (KPDN)**

**Yang Berbahagia Datuk Roziah binti Abudin  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan  
Dalam Negeri), KPDN**

**Yang Berusaha Encik Ariffin bin Samsudin  
Pengarah  
Pejabat KPDN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

**Pegawai-pegawai kanan, KPDN**

**Wakil-wakil daripada media tempatan dan seterusnya Tuan-  
tuan dan Puan-Puan saya kasihi sekalian.**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**Selamat petang dan Salam Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak KK Supermart dan Superstore Sdn. Bhd. kerana menjemput saya untuk melancarkan inisiatif Payung Rahmah dan Cabaran “Beli & Menang RM 1.1 Juta” di KK Super Mart, Cawangan Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Bandar Tasik Selatan, Kuala Lumpur pada hari ini.
2. Seperti yang kita sedia maklum, industri peruncitan di negara ini telah mengalami masa yang sangat mencabar akibat daripada pandemik COVID-19 sejak hampir tiga (3) tahun yang lalu dan perkembangan semasa di dunia yang membawa kepada sekatan aliran perdagangan yang sedang memberi kesan langsung kepada pengguna. Situasi pandemik COVID-19 yang melanda Malaysia telah membawa pengguna untuk hidup dengan norma dan kelaziman baharu, tetapi semakin dihimpit dengan tekanan harga barang yang semakin meruncing dan membawa kepada isu kos sara hidup yang perlu ditangani segera.
3. Oleh itu, KPDN telah merangka pelaksanaan Inisiatif Payung RAHMAH untuk membantu golongan termiskin dan

kurang berkemampuan untuk mendapatkan bantuan makanan dan barangan keperluan asas yang dikenal pasti lebih berkesan, konsisten dan bersasar. Inisiatif Payung RAHMAH ini adalah satu bentuk manifestasi keprihatinan dan konsep kasih sayang Kerajaan kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan berpendapatan rendah melalui kerjasama bersama rakan-rakan strategik yang terlibat.

4. Sebagai permulaan kepada “perjalanan kasih sayang” ini, beberapa program telah dikenal pasti di bawah Inisiatif Payung Rahmah seperti Bakul Rahmah, Jualan Rahmah, Pakej Rahmah, Menu Rahmah, dan Kafe Rahmah. Selaku Menteri yang menerajui KPDN, saya telah melancarkan Jualan Rahmah secara *kick-off* pada 11 Januari 2023 yang lalu dan sedang dirancang untuk dilaksanakan di setiap 222 kawasan Parlimen secara berperingkat di seluruh negara. Seterusnya, saya telah melancarkan Menu Rahmah pada 27 Januari 2023 yang lalu dan telah merekodkan penyertaan 551 premis perniagaan makanan-minuman di seluruh negara sehingga 20 Februari 2023.
5. Berdasarkan pengamatan mudah dan input yang diterima, saya mendapati bahawa pengurusan KK Super Mart yang diterajui oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. KK Chai amat sesuai untuk melaksanakan Jualan Rahmah sebagai

permulaan di semua 680 cawangan KK Super Mart di seluruh negara. Asasnya, Jualan Rahmah merupakan program jualan murah pada sepanjang tahun ini yang menyasarkan potongan harga antara 10 hingga 30 peratus (30%) dengan mengutamakan lokasi rakyat yang dikenal pasti berpendapatan rendah.

6. Saya turut mengambil maklum akan inisiatif Jualan Rahmah yang telah dimulakan oleh pihak KK Super Mart yang melibatkan barangan makanan yang sedia dimakan (atau *ready to eat*) dan barangan basah hasil laut secara sejuk-beku mulai bulan ini dan akan ditukar promosinya pada setiap bulan atau mengikut tempoh khas yang tertentu.
7. Saya turut berpandangan agar promosi jualan barangan hasil laut secara sejuk-beku ini boleh diolah strategi jualannya dan memenuhi kriteria asas inisiatif Pakej Rahmah yang menawarkan harga yang lebih murah secara kombinasi. Sebagai contoh, paket jualan barangan basah hasil laut secara sejuk-beku yang dijual di KK Super Mart boleh dipromosikan sebagai Pakej Rahmah untuk penyediaan menu makan tengah hari atau makan malam sekeluarga di rumah untuk tempoh satu (1) hari dan sehingga tujuh (7) hari dalam seminggu, dan pengguna

akan tertarik untuk membelinya secara pakej sebagai satu langkah penjimatan perbelanjaan keluarga.

8. Lanjutan daripada pelaksanaan Pakej Rahmah, saya turut berpandangan bahawa inisiatif Bakul Rahmah juga berpotensi untuk dilaksanakan oleh pihak KK Super Mart. Inisiatif ini mampu menyumbang manfaat kepada sejumlah 40,000 Ketua Isi Rumah (atau KIR) kategori miskin tegar yang direkodkan secara rasmi oleh pihak berwajib, dengan menyasarkan sumbangan bakul makanan (merangkumi barangan keperluan harian) bernilai RM100 yang terdiri daripada beras, gula, minyak masak, tepung gandum, susu pekat, mihun dan telur ayam yang diagihkan kepada KIR yang disasarkan secara berterusan pada setiap bulan. Saya amat mengalu-alukan sekiranya pihak KK Super Mart dapat menyahut cabaran murni ini lebih-lebih lagi sambutan bulan Ramadan dan Syawal oleh kalangan umat Islam di Malaysia akan bermula dalam tempoh kurang satu (1) bulan dari sekarang.
9. Pada masa yang sama, saya turut mengambil maklum bahawa terdapat produk jualan makanan segera oleh KK Super Mart sendiri yang mungkin boleh disesuaikan dan dijual sebagai Menu Rahmah pada harga yang tidak melebihi RM5 bagi setiap set (termasuk air minuman). Menu Rahmah secara asalnya bermula daripada set

makanan berkhasiat berasaskan nasi. Tetapi saya melihat pengembangan Menu Rahmah kepada versi hidangan ringkas dan segera yang boleh ditawarkan oleh pihak KK Super Mart sebagai satu momentum yang positif sebagai menu pilihan rakyat Malaysia, selain daripada hidangan berasaskan nasi.

Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin sekalian,

10. Selain daripada pelaksanaan Inisiatif Payung Rahmah ini, saya turut mengambil maklum akan satu program Cabaran “Beli & Menang” yang sedang dilaksanakan oleh pihak KK Super Mart sejak 1 Januari 2023 yang lalu dan dijadualkan berakhir pada 31 Mei 2023 depan. Saya difahamkan program ini melibatkan penyertaan tanpa had dari kalangan warganegara Malaysia dan penduduk tetap di Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas, yang membuat pembelian minimum RM23 di mana-mana 680 premis KK Super Mart dan seterusnya berpeluang untuk memenangi pelbagai hadiah dalam bentuk wang tunai, kenderaan persendirian, dan pelbagai barangan elektrik, elektronik dan perabot dengan nilai keseluruhan sehingga RM1.1juta.

11. Saya melihat program Cabaran “Beli & Menang” ini sebagai satu usaha positif untuk menggalakkan perbelanjaan dikalangan pelanggan sedia ada dan pelanggan baharu yang layak menyertainya, selain daripada promosi tambahan yang amat bermakna kepada semua pelanggan KK Super Mart yang menyertai dan berbelanja sempena inisiatif Payung Rahmah yang telah diterangkan sebentar tadi. Semua inisiatif di bawah KPDN sentiasa disokong oleh pihak pemain industri peruncitan termasuklah KK Super Mart di seluruh Malaysia. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak pengurusan dan seluruh warga kerja KK Super Mart yang diterajui oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. KK Chai.
  
12. Sekali lagi, KPDN sentiasa menyokong usaha yang dilaksanakan oleh pemain-pemain industri di Malaysia untuk menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja dengan memberi ganjaran tambahan atau nilai tambah kepada pengguna. Pengguna juga, khususnya yang beragama Islam juga boleh mengambil kesempatan ini untuk berbelanja keperluan harian menjelang sambutan bulan Ramadan dengan harga yang berpatutan disamping berpeluang untuk mendapat ganjaran istimewa yang ditawarkan.



13. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Seri Dr. KK Chai, Pengasas KK Supermart dan Superstores dan seluruh warga kerjanya di atas segala usaha murni yang dilaksanakan sehingga ke hari ini. Perniagaan KK Super Mart bermula dari sebuah kedai runcit biasa sehinggalah wujudnya rangkaian premis runcit yang merupakan antara terbesar di negara ini adalah merupakan satu kejayaan yang sangat membanggakan sebagai satu jenama Malaysia. Selain itu, saya percaya KK Super Mart di seluruh Malaysia akan terus kekal menawarkan harga barangan pada kadar yang berpatutan dan kekal berkualiti tinggi kepada pengguna walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi yang semakin mencabar hari ini.
14. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir ke pelancaran inisiatif Payung Rahmah dan Cabaran “Beli & Menang RM 1.1 Juta” di KK Super Mart pada hari ini, khususnya kepada YBhg Datuk Seri Dr. KK Chai dan seluruh warga KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd. yang sudi menjemput saya. Saya berharap agar pihak KK Supermart dan Superstores Sdn. Bhd. akan terus berkembang sebagai bintang yang terus cemerlang dan dapat menawarkan lebih pilihan kepada

pengguna untuk mendapatkan barangan pada harga yang berpatutan.

15. Dengan ini, saya dengan rasminya melancarkan inisiatif Payung Rahmah dan Cabaran “Beli & Menang RM 1.1 Juta” di rangkaian premis KK Super Mart saseluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**Disediakan Oleh:**

*Sekretariat Perdagangan Pengedaran Dan Industri Perkhidmatan (SPIP)  
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)*

22 Februari 2023